



PAMERAN HARTANAH
16-18 Ogos 2019 | 10 pagi - 10 malam
KOMTAR JBCC, Johor Bahru

MyRumahMPS

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

Johor Bahru

Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Komtar JBCC yang nanti-nantikan warga bandar raya ini membantu merealisasikan impian rakyat Malaysia memiliki kediaman sendiri yang selesa.

FAKTA
MyRumah bekerjasama dengan lebih 70 pemaju perumahan tempatan dan 25 syarikat bukan pemaju.

Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima Berhad, Mustapha Kamil Mohd Janor berkata, sejak diperkenalkan pada 2016, MyRumah bekerjasama dengan lebih 70 pemaju perumahan tempatan dan 25 syarikat bukan pemaju.

Beliau berkata, pelbagai penambahbaikan dilakukan bagi memastikan pameran dianjurkan menjadi lebih menarik.

Mustapha berkata, MyRumah juga mendapat sokongan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) dan Jabatan Perumahan Negara.

Katanya, berkonsepkan 4P, MyRumah menggabungkan elemen pameran dan menawarkan satu pengalaman yang bernilai kepada pengunjung.

"MyRumah menjadikan pendidikan sebagai satu teras bagi program ini dan aset yang tak ternilai ini kami berikan secara percuma kepada pengunjung.

"Elemen terbaru MyRumah diperkenalkan tahun ini adalah persekitaran sebagai manifestasi kami bagi mewujudkan suasana sihat dan komuniti harmoni.

"Siri ketiga MyRumah 2019 di Johor Bahru bakal menonjolkan lebih 24 projek perumahan sekitar negeri ini, Selangor dan Kuala Lumpur membabitkan 3,397 unit kediaman dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) lebih RM2.2 bilion," katanya.

Terdahulu, beliau ditemui pada Majlis Pelancaran Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Komtar JBCC di sini, semalam.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian adalah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Dzulkefly Ahmad.

Mustapha berkata, buat kali pertama di pameran hartanah MyRumah di Johor Bahru, Jabatan Perumahan Negara mempamerkan projek mampu milik kerajaan dan Perbadanan Kewangan Negeri Selangor (PKNS).

Beliau memberitahu sempena MyRumah 2019, Cabutan Bertuah Perdana juga diadakan yang mana setiap pembeli rumah di pameran ini berpeluang memenangi sebuah Nissan Almera.

Selain itu, katanya, pengisian



DZULKEFLY (empat dari kanan) diiringi Mustapha (dua dari kanan) dan Pengarah Urusan Johor Land, Lokman Abu Bakar (kanan) melawat pameran.



Untuk video lanjut
www.hmetro.com.my/mymetrotv

Foto: HAIRUL ANUAR AB RAHM

PELUANG MILIKI RUMAH

Pameran hartanah MyRumah berlangsung tiga hari di Johor Bahru

SOHO, pangsapuri perkhidmatan susah jual

Johor Bahru: Johor mencatatkan jumlah hartanah tidak terjual tertinggi di negara ini yang membabitkan 51,459 unit dengan anggaran nilai melebihi RM36.75 bilion bagi suku pertama tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Dzulkefly Ahmad berkata, hampir 60 peratus hartanah tidak terjual adalah jenis *Small Office Home Office* (SOHO) dan pangsapuri perkhidmatan.

Katanya, rumah kediaman menyumbang 34 peratus (17,462 unit) daripada jumlah itu dengan anggaran nilai RM10.95 bilion.

Menurutnya, daripada 17,462 unit kediaman tidak terjual, rumah teres dua hingga tiga tingkat mewakili 37.3 peratus dan kondominium atau pangsapuri mewakili 32.3 peratus.

Menurutnya, 50.3 peratus rumah teres dua hingga tiga tingkat yang tidak terjual berharga melebihi RM1 juta manakala 60.8 peratus kondominium dan pangsapuri tidak terjual berharga melebihi RM600,000.

"Kerajaan negeri boleh memperkenalkan pelbagai pelan bagi membantu untuk menjual rumah berkenaan namun jelas pembeli rumah

tempatan tidak berminat untuk membeli kediaman pada harga yang melangkaui kemampuan mereka.

"Fakta ini juga dikuatkuatkan hasil kajian Frank Knight cawangan Johor yang bersetuju kategori rumah akan terus mendapat sambutan dalam kalangan pembeli adalah jenis kediaman atas tanah pada harga lingkungan RM400,000 hingga RM500,000 saja.

"Pemaju tidak boleh terlalu berharap kepada pembeli luar negara ketika membuat pelan pembangunan rumah di Johor," katanya pada Majlis Pelancaran Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Komtar JBCC di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima Berhad, Mustapha Kamil Mohd Janor.

Dzulkefly berkata, pemaju perlu lebih mementingkan keperluan dan kemampuan rakyat tempatan dalam merancang sebarang pembangunan baru di negeri ini.

Beliau berkata, berdasarkan sentimen positif di pasaran semasa ketika ini, pihaknya yakin pencapaian sektor hartanah negara dan di Johor, akan terus mencatatkan peningkatan untuk tahun akan datang.

dan kandungan di MyRumah pada tahun ini juga diperkukuhkan dengan barisan penceramah perumahan terkemuka tempatan.

"Warga bandar raya ini tidak seharusnya ketinggalan ke Komtar JBCC hujung minggu ini dan meninjau setiap projek perumahan ditawarkan sambil menikmati pelbagai promosi istimewa, rebat serta diskaun daripada pemaju.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Johor Land Berhad sebagai penaja lokasi dan pemaju hartanah terkemuka negara seperti Bukit Pelali Properties Sdn Bhd, Dynast View Sdn Bhd,

GuocoLand (Malaysia) Berhad, PKNS, Seri Alam Properties dan UDA Land (South) Sdn Bhd.

"Selain itu, kami menghargai kerjasama MBSB Bank Berhad, Lionmas Furnishers (M) Sdn Bhd, Oriental Food Industries Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful IKHLAS yang melengkapkan eko sistem dinamik hartanah di MyRumah Johor Bahru kali ini," katanya.

Menurutnya, keyakinan semua pihak amat berharga dan menjadi bukti kepada pembangunan positif sektor hartanah negara.



PENGUNJUNG melihat projek perumahan yang ditawarkan.



SIRI ketiga MyRumah kini berlangsung di JB.